

12/09/2000

TPM diberi lebih banyak tanggungjawab tadbir negara

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan diberi lebih banyak tanggungjawab dalam kerajaan bagi menyediakannya mengambil alih pucuk pimpinan negara.

"Saya akan menumpukan lebih kepada parti daripada kerajaan. Justeru, mungkin ada acara-acara kerajaan yang tidak akan disertai oleh saya.

"Sebaliknya Timbalan Perdana Menteri akan mengambil alih sebagai satu usaha memudahkan proses pengambilalihan kepemimpinan negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang ini.

Ini adalah pengiktirafan terbaru Perdana Menteri yang juga Presiden Umno terhadap Abdullah. Pada Perhimpunan Agung Umno Mei lalu, Dr Mahathir menyatakan timbalannya itu bakal menggantikannya apabila beliau bersara kelak.

Abdullah, 61, yang juga Timbalan Presiden Umno dilantik Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, 8 Januari tahun lalu.

Dr Mahathir juga berkata, mesyuarat MT turut membincangkan proses pembaharuan dalam Umno termasuk mendapat keahlian selain penggantian kepemimpinan oleh generasi lebih muda.

Untuk tujuan itu, katanya, satu usaha akan dibuat bagi menerangkan prinsip serta falsafah perjuangan Umno kepada generasi muda dan jika berminat, mereka boleh menyertai Umno.

"Kita dapati kadang-kadang mereka menghadapi masalah menyertai Umno kerana ada juga pihak-pihak yang menyekat mereka daripada menjadi ahli pada peringkat cawangan.

"Bagi mereka yang tersekat semacam itu, maka ibu pejabat parti akan mengambil alih proses penerimaan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT turut membuat keputusan bahawa mereka yang menganggotai Puteri Umno hendaklah berusia 35 tahun ke bawah tetapi struktur terperinci mengenainya akan ditentukan kemudian.

Katanya, struktur itu sedang diteliti Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang diketuai Abdullah dan dijangka siap sebelum mesyuarat agung khas parti bagi meminda perlembagaan November ini.

"Pada masa sama, mereka yang berminat dengan Puteri Umno boleh berkumpul dan mendaftarkan diri mereka," katanya.

Mesyuarat MT pada Julai lalu bersetuju pada dasarnya mengenai penubuhan Puteri Umno, bagi menarik minat lebih ramai belia menyertai parti itu.

Beliau berkata, MT juga mendapat laporan mengenai bilangan pengundi yang digugurkan iaitu lebih 700,000 dan Umno sedang meneliti bagaimana nama berkenaan digugurkan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan menemui ahli Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) berikutan permintaan kumpulan berkenaan untuk berjumpa bagi menjelaskan isu hak keistimewaan orang Melayu yang dibangkitkan baru-baru ini.

"Saya akan berjumpa mereka. Mereka minta berjumpa saya untuk menerangkan apa maksud mereka," katanya.

Permintaan itu dibuat selepas Dr Mahathir dalam perutusan Hari Kemerdekaan baru-baru ini, merayu kumpulan ekstremis supaya menghentikan permainan api perkauman.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri mengingatkan, perbuatan kumpulan Al-Ma'unah dan pendekatan Suqiu baru-baru ini, akan merosakkan hubungan baik antara kaum yang diusahakan kerajaan selama ini.

Isu hak keistimewaan orang Melayu ditimbulkan Suqiu, mencetuskan kontroversi sehingga pergerakan Pemuda Umno menuntut badan itu meminta maaf.

(END)